

Headline	13,837 cadangan dikemuka untuk Bajet 2018		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	21 Sep 2017	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	2
Section	Nasional	Journalist	Oleh Rohaniza
ArticleSize	503 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 52,017		



# 13,837 cadangan dikemuka untuk Bajet 2018

→ Jadikan Sungai Klang laluan air utama, perluas khidmat MRT antara syor orang ramai

Oleh Rohaniza Idris  
 roha@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**B**ersih dan bangunkan Sungai Klang menjadi sistem pengangkutan jalan air utama menghubungkan bandar sekitarnya adalah antara cadangan menarik yang dikemukakan rakyat dalam Bajet 2018.

Syor lain dikemukakan dalam kempam crowdsourcing #Bajet2018 ialah agar kerajaan memperkenalkan Sistem Transit Aliran Massa (MRT) di negeri yang mempunyai kepadatan penduduk, sekali gus menangani masalah kesesakan lalu lintas.

Selain itu, cadangan mewujudkan kerjasama di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan masyarakat kampung untuk mema-

sang panel solar di rumah penduduk di kawasan berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata 13,837 idea dan cadangan diterima sepanjang kempen itu selama 15 hari, dari 4 hingga 18 September lalu.

“Saya juga gembira membaca cadangan daripada penduduk desa yang mengutarakan hasrat untuk turut terbabit dalam ekonomi digital dan berharap peluang mengembangkan perniagaan melalui ekonomi digital tidak terhad kepada penduduk bandar.

“Dalam memastikan peluang ini wujud untuk penduduk desa, ada cadangan kerajaan menaik taraf dan meningkatkan kelajuan capaian internet di kawasan luar bandar,” katanya.

## Minta pelepasan cukai

Katanya, beliau memahami ramai meminta pelepasan cukai bagi membantu menangani kos sara hidup golongan berpendapatan pertengahan, daripada peningkatan pelepasan cukai untuk aktiviti sukan kepada penyelenggaraan kenderaan persendirian.

“Berdasarkan penelitian awal, saya mendapati bahawa pekerjaan, kos sara hidup, pendidikan, pencukaian, perniagaan dan kewangan serta pengangkutan dan infrastruktur menjadi topik ha-

ngat, sekali gus menunjukkan ketutamaan rakyat pada hari ini.

“Saya gembira ramai mengambil peluang berkongsi dengan saya cabaran dihadapi mereka, selain memberi cadangan untuk dipertimbangkan dalam pembentukan #Bajet2018,” kata Perdana Menteri dalam blog NajibRazak.com, semalam.

Najib berkata, ramai juga yang memuji pelaksanaan MRT dan meminta kerajaan membangunkan sistem pengangkutan awam efisien di negeri dengan populasi tinggi bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas.

Beliau juga menjelaskan, sejak GST diperkenalkan pada 2015, kerajaan sudah menurunkan kadar cukai pendapatan individu sebanyak satu hingga tiga peratus yang memanfaatkan 300,000 orang yang tidak perlu lagi membayar cukai.

“Golongan berkeluarga berpendapatan RM4,000 sebulan juga tidak lagi tanggungan cukai dan kadar cukai maksimum 26 peratus pula dikurangkan kepada 24 peratus, 24.5 peratus dan 25 peratus.

“Saya juga banyak mengumumkan pelepasan cukai dalam Bajet 2016. Contohnya pelepasan cukai terkumpul RM1,500 untuk ibu dan RM1,500 untuk bapa bagi anak yang menyara ibu bapa.

“Selain itu kenaikan had pelepasan cukai daripada RM6,000 ke-

Headline	13,837 cadangan dikemuka untuk Bajet 2018		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	21 Sep 2017	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	2
Section	Nasional	Journalist	Oleh Rohaniza
ArticleSize	503 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 52,017		



Berdasarkan penelitian awal, saya mendapati bahawa pekerjaan, kos sara hidup, pendidikan, pencukaian, perniagaan dan kewangan serta pengangkutan dan infrastruktur menjadi topik hangat, sekali gus menunjukkan keutamaan rakyat pada hari ini"

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

pada RM8,000 bagi setiap anak berumur 18 tahun yang sedang melanjutkan pelajaran. Dalam Pengubahsuaian Bajet 2016, saya umumkan pelepasan cukai khas RM2,000 kepada pembayar cukai individu berpendapatan RM8,000 sebulan ke bawah," katanya.

#### Bantu golongan memerlukan

Untuk Bajet 2017 pula, katanya, kerajaan mengumumkan pelepasan cukai gaya hidup sehingga RM2,500 setiap tahun bagi pembelian, antaranya bahan bacaan, komputer, telefon pintar, peralatan sukan serta keahlian gimnasium.

Perdana Menteri berkata, ia halalah antara inisiatif dilaksanakan kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan pertengahan, bagi memastikan nasib mereka terus terbaik.

"Oleh itu, saya yakin #Bajet2018 yang bakal dibentangkan terus membantu golongan memerlukan dan pada masa sama, inklusif serta holistik terhadap keperluan semua.

"Insya-Allah, semua cadangan diterima akan diteliti dan dipertimbangkan dengan serius oleh kerajaan kerana ini adalah langkah tepat ke arah mendemokrasikan proses pembentukan bajet negara, satu dokumen yang bakal memberi impak yang besar kepada hala tuju negara," katanya.

